



## Laporan Dana Takafulink 2008

Laporan dan Penyata Takafulink  
untuk tahun berakhir 31 Disember 2008

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

*Kami memahami, kami prihatin.*

# KANDUNGAN

Pesanan dari Ketua Pegawai Eksekutif	02
Objekif Dana	04
Penilaian Pelaburan	05
Prestasi Dana	09
Tinjauan Pelaburan	10

Sorotan Kewangan	12
Penyata Aset dan Liabiliti	16
Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih	19
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	22
Ringkasan Polisi Perakaunan Penting	25
Penyata Pengarah	27
Laporan Juruaudit	28





## Menyemai faktor-faktor tumbesaran

Kesuburan pohon yang sedang mekar berkembang, berpaut pada gabungan nutrien, persekitaran dan penjagaan yang rapi. Bagaikan pohon yang mekar ini, kami di Prudential BSN Takaful juga menitikberatkan keperluan para pemegang sijil yang kami hargai.

Bertumpuan tabah, kami akur akan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk anda. Dengan mempelbagaikan rangkaian pelaburan yang berlandaskan Syariah, susunan produk dan perkhidmatan kami direka cipta khas bersesuaian dengan cara kehidupan anda yang terkini.

Kesejahteraan hidup anda masakini dan masa hadapan adalah matlamat utama kami.

## PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



“ Saya amat bersyukur bahawa kami mempunyai pasukan pelaburan yang berwawasan dan berkeupayaan yang telah menjalankan tugas yang patut dipuji dalam menguruskan pelaburan kami. Sokongan teguh dan berterusan anda telah memastikan bahawa kami kekal sebagai pengendali Takaful No. 1\* dalam pasaran bagi tahun kedua berturut-turut.”

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) telah mencapai kemajuan yang cemerlang di dalam tahun 2008 walaupun telah bersaing di dalam persekitaran yang mencabar. Syarikat tidak akan berada di kedudukan ini tanpa sokongan teguh dan berterusan anda. Saya berbangga bahawa ini telah memastikan bahawa kami kekal sebagai pengendali Takaful No. 1\* dalam pasaran bagi tahun kedua berturut-turut.

Dalam menghadapi persekitaran ekonomi yang bergelora, saya amat bersyukur bahawa kami mempunyai pasukan pelaburan yang berwawasan dan berkeupayaan yang telah menjalankan tugas yang patut dipuji dalam menguruskan pelaburan kami. Kami jangka bahawa pertumbuhan kami akan berterusan di dalam tahun 2009 dan kami berharap untuk mencapai keputusan yang positif untuk tahun-tahun yang akan datang.

Terima kasih di atas AMANAH anda dalam keupayaan kami dan kami berharap dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda di dalam tahun 2009!

Ikhtlas



**Mohamad Salihuddin Ahmad**

Ketua Pegawai Eksekutif  
PruBSN Takaful Berhad

\*Dari segi perniagaan caruman berkala

**Takafulink Dana Ekuiti** bertujuan memaksimumkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam saham-saham berkualiti tinggi yang diluluskan oleh Shariah dan yang tersenarai di Bursa Malaysia.

**Takafulink Dana Bon** berhasrat memberi pengumpulan modal jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam (Islamic Private Debt Securities atau IPDS) terpilih dan Kemudahan Pembiayaan Islam (Islamic Financing Facilities atau IFF).

**Takafulink Dana Urus** berusaha memaksimumkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam saham yang diluluskan oleh Shariah serta IPDS dan IFF melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta di dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin tersedia pada masa hadapan.

## PENILAIAN PELABURAN

Indeks Shariah EMAS Bursa Malaysia FTSE (FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index atau FBMSHA) telah menurun sebanyak 43.52% di dalam jangka masa tinjauan, dari 10,533.10 pada 31 Disember 2007 kepada 5,949.63 pada 31 Disember 2008. FBMSHA juga telah menunjukkan prestasi yang lebih tinggi berbanding indeks MSCI Asia Pacific ex-Japan (MxAPJ), yang telah menurun sebanyak 53.3% pada tempoh yang sama.

Keadaan pasaran mengalami ketidaktentuan sepanjang tahun akibat dari kegelakan global yang timbul dari isu-isu subprima Amerika Syarikat (AS), kemervuhan harga komoditi serta isu-isu politik tempatan. Walaupun timbulnya ketidakpastian mengenai keadaan politik tempatan akibat keputusan mengejut Pilihanraya Umum yang lepas, keadaan ekonomi Malaysia masih agak kukuh disebabkan oleh harga minyak kelapa sawit kasar (crude palm oil atau CPO) bagi tempoh tersebut yang telah memantapkan stok-stok perladangan. Prestasi Malaysia lebih baik berbanding bursa-bursa serantau yang lain di dalam tempoh separuh tahun pertama bagi tahun tinjauan (KLCI: -17.89%, FBMSHA: -18.48%, MxAPJ: -18.82%).

Ketidaktentuan yang timbul akibat keputusan Pilihanraya Umum Malaysia pada bulan Mac telah berkekalan sehingga separuh tahun kedua. Sentimen para pengguna merosot apabila Kerajaan mengumumkan potongan subsidi kuasa yang mendadak dan memperkenalkan cukai durian runtuh bagi Penjana Kuasa Bebas (Independent Power Producers atau IPP). Para pelabur juga telah memasukkan premium risiko yang lebih tinggi terhadap beberapa industri bagi mengambil kira pertukaran polisi-polisi Kerajaan yang mungkin berlaku.

Walau bagaimanapun, apabila harga minyak kasar menurun dari aras tinggi AS\$145/tong pada Julai 2008 kepada AS\$44/tong seperti pada 31 Disember 2008, Kerajaan telah menurunkan harga petrol dari RM2.70/liter pada Jun 2008 kepada RM1.80/liter pada hujung tahun 2008. Selaras dengan kejatuhan harga minyak kasar, semua komoditi telah mengalami penurunan harga yang mendadak, termasuk harga CPO, yang telah menjunam dari kira-kira RM3,100/tan kepada RM1,630/tan pada akhir jangka masa

tinjauan. Pengumuman Bajet Kewangan Persekutuan Tahun 2009 pada bulan Ogos telah membawa sedikit kelegaan kepada rakyat berikutan harga barangan umum yang telah naik. Kerajaan juga telah mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM7 bilion yang akan memberi tumpuan terhadap projek-projek pengganda tinggi, dan telah menurunkan anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2008 dan 2009 kepada 5.0% dan 3.5% masing-masing.

Sepuluh kedua tahun 2008 juga telah menyaksikan isu subprima AS berubah menjadi suatu krisis kewangan apabila syarikat-syarikat Fannie Mae dan Freddie Mac telah diambil alih oleh Perbendaharaan AS. Tidak lama kemudiannya, Lehman Brothers telah mendaftarkan tuntutan kebangkrutan manakala AIG yang menghadapi kekurangan pendanaan telah memerlukan pinjaman kecemasan sebanyak AS\$85 bilion dari Perbendaharaan AS. Satu pelan bantuan bank berjumlah AS\$700 juta akhirnya diluluskan oleh Dewan Perwakilan AS untuk membeli aset-aset berkaitan cagaran dari sektor kewangan yang menghadapi kesukaran. Pasaran global terkejut dengan kejatuhan institusi-institusi kewangan yang telah lama disanjung. Keadaan kredit yang diperketatkan telah mengakibatkan ketidakstabilan mata wang bagi sesetengah negara, dan bank-bank pusat secara global telah mengambil langkah padu untuk memotong kadar faedah dan menambahkan kecairan. Pelantikan Barack Obama sebagai Presiden AS yang baru telah membawa kelegaan pada masa yang singkat, tetapi, walaupun Perbendaharaan AS telah berusaha untuk menambahkan kecairan, Citigroup juga telah mengumumkan keperluan bantuan kewangan daripada kerajaan AS.

Tahun 2008 berakhir dengan AS mengalami kemelesetan ekonomi secara rasminya; presiden terdahulu AS, Presiden Bush mengumumkan pakej bantuan bagi pengeluar kereta; kadar Dana AS di tahap 0 - 0.25%; Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate atau OPR) Malaysia pada 3.25% (penurunan sebanyak 25 mata asas); dan Ringgit yang lebih lemah berbanding Dolar AS, iaitu RM3.4545/AS\$ (penurunan sebanyak 4.39% dalam 2008).



## PASARAN BON

Dalam tahun tinjauan, Rizab Persekutuan AS telah memotong kadar Dana Persekutuan sebanyak tujuh kali dari 4.25% kepada 0% - 0.25% pada Disember 2008 di dalam usahanya untuk memulihkan pasaran kewangan dari menghadapi lebih kemerosotan. Di dalam tempoh ini, hasil UST dua-tahun dan 10-tahun telah menyusut dengan ketara sebanyak 326 mata asas dan 85 mata asas kepada 0.77% dan 2.21% masing-masing.

Di pasaran domestik, tekanan inflasi telah berkurangan seperti yang dilaporkan oleh Indeks Harga Pengguna. Indeks ini telah menurun dari aras yang hampir 27-tahun tinggi iaitu +8.5% tahun-atas-tahun pada Julai 2008 kepada +5.7% tahun-atas-tahun pada November 2008, di mana sebahagian besarnya adalah akibat dari potongan harga minyak oleh Kerajaan. Tekanan inflasi ini dijangka akan menurun lagi menjelang separuh kedua tahun 2009 disebabkan oleh penurunan harga minyak, dengan itu, memberi lebih ruang kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk melaksanakan polisi monetari yang lebih sesuai bagi memecut pertumbuhan ekonomi negara.

Walaupun terdapatnya kelembapan, ekonomi Malaysia untuk sebahagian besar tahun tinjauan dapat bertahan di dalam kegawatan kewangan global. Walau bagaimanapun, peningkatan risiko ke bawah terhadap pertumbuhan dan tekanan inflasi yang berkurangan membuatkan BNM memotong OPR buat pertama kalinya semenjak April 2006 sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% di mesyuarat Jawatankuasa Polisi Monetari yang telah berlangsung pada 24 November 2008. BNM juga telah mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement atau SRR) institusi-institusi perbankan dari 4.0% kepada 3.5% berkuatkuasa 1 Disember 2008 bagi menurunkan lagi kos perantaraan, sejeurus itu, menambahkan lagi kecairan ke dalam sistem kewangan domestik.

Hasil bon berdaulat (sovereign bonds) jatuh pada Januari 2008 akibat tambah nilai Ringgit dan para pelabur yang mendirikan semula portfolio mereka. Berikutan itu, aktiviti-aktiviti pengambilan keuntungan dan kebimbangan mengenai inflasi telah menyebabkan kejatuhan nilai bon-bon berdaulat pada suku kedua 2008, terutamanya pada bulan Jun, di mana

peningkatan tekanan inflasi akibat kenaikan ketara harga minyak, harga makanan yang meningkat dan petunjuk dari Kerajaan untuk meningkatkan tarif elektrik, telah membawa kepada jualan bon-bon tersebut. Hasil bon-bon berdaulat tidak tentu dalam bulan Julai tetapi telah mantap apabila OPR dikekalkan pada 3.50% pada 25 Julai. Pengumuman semasa Bajet di akhir bulan Ogos mengenai defisit fiskal yang diperbesarkan, iaitu 4.8% daripada KDNK 2008, telah membawa kepada BNM menambahkan dua lagi terbitan awam dan lima tawaran persendirian bagi bon-bon ini. Pasaran pada mulanya telah bertindak secara negatif tetapi aktiviti-aktiviti memburu bon-bon murah berikutan ini telah menyaksikan sokongan semula terhadap bon-bon berdaulat, dan hasil daripada bon-bon ini telah tutup lebih rendah pada suku ketiga berakhir September 2008. Spekulasi mengenai pemotongan kadar yang mungkin berlaku telah membawa kepada rali bagi bon-bon berdaulat, yang digiatkan lagi apabila BNM memotong kadar faedah sebanyak 25 mata asas di dalam kenyataannya pada 24 November. Bagi jangka masa satu tahun tersebut, hasil bon-bon berdaulat telah tutup pada tahap rendah yang ketara di mana hasil bagi tiga-tahun dan 10-tahun jatuh sebanyak 46 dan 75 mata asas untuk tutup pada 3.13% dan 3.24% masing-masing.

Pada amnya, hasil bon-bon korporat bergerak selaras dengan hasil bon-bon berdaulat, tetapi dengan lebih perlahan. Selain daripada kebimbangan mengenai kadar inflasi, sentimen pasaran untuk bon-bon korporat lebih lemah disebabkan oleh risiko berkanun yang bertambah, ketidakpastian mengenai keadaan politik, dan khususnya, pengumuman Kerajaan pada awal Jun 2008 mengenai levi cukai durian runtuh bagi syarikat-syarikat IPP. Ini telah mewujudkan gangguan yang ketara ke atas pasaran bon domestik pada suku kedua dan ketiga 2008, sejurus itu, menyebabkan perdagangan yang amat kurang bagi bon-bon tersebut. Pengumuman oleh Kerajaan pada September 2008 untuk menghentikan levi keuntungan durian runtuh terhadap syarikat-syarikat IPP ini telah membawa kelegaan kepada pasaran bon. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat ini masih perlu menjelaskan bayaran satu kali bagi levi cukai ini kepada Kerajaan. Sentimen yang lemah dan sikap berdagang dengan berjaga-jaga untuk mengelakkan risiko bagi bon-bon korporat kepada kertas-kertas kecairan bergred tinggi dan hasil telah tutup pada margin yang lebih rendah.

## PRESTASI DANA

### Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2008, Nilai Aset Bersih seunit Dana telah susut sebanyak 35.38% kepada RM0.8777 berbanding RM1.3583 pada 31 Disember 2007. Prestasi yang lemah ini disebabkan oleh ketidakpastian pasaran akibat krisis kewangan AS dan kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi global.

### Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2008, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Bon telah meningkat ke RM1.0603 daripada RM1.0415 pada 31 Disember 2007, mencatatkan pulangan sebanyak 1.81% untuk jangka masa tersebut. Pulangan yang agak baik ini telah dicapai di dalam tempoh ketidakpastian di dalam pasaran kredit global. Di samping itu, pemilihan teliti bagi terbitan-terbitan bernilai tinggi juga telah menyebabkan pulangan yang baik ini.

### Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2008, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Urus adalah RM0.9156 berbanding RM1.2923 pada 31 Disember 2007, mencatatkan pulangan sebanyak -29.15% bagi tempoh tersebut.

## Ekuiti

Tahun 2009 dijangka kurang ketidaktentuan bagi pasaran-pasaran global walaupun peleburan kewangan global pada magnitud ini tidak dapat diatasi dalam beberapa bulan. AS masih perlu membayar balik hutang, harga rumah di AS dijangka akan terus mengalami kelemahan disebabkan oleh inventori besar untuk rumah-rumah, dan kepercayaan di antara bank-bank dan para pelanggan perlu diperolehi semula supaya kemudahan kredit dapat disediakan. Betapa cepatnya pemulihan akan tertakluk kepada betapa cepat dan berkesannya isu-isu ini dapat ditangani oleh kerajaan ekonomi-ekonomi utama.

Dari segi domestik, bursa-bursa tempatan dijangka mengikut aliran maklumat serantau dan global, walaupun kami jangka para pelabur tempatan akan melihat dengan teliti keputusan pilihanraya kecil Kuala Terengganu pada 17 Januari 2009. Satu lagi peristiwa penting dari segi politik adalah Perhimpunan Agung UMNO yang akan diadakan pada Mac 2009. Walaupun jawatan presiden telah ditetapkan, jawatan-jawatan timbalan presiden dan ketua belia UMNO masih belum dapat dipastikan.

Memandangkan bahawa stok-stok perladangan yang dianggap berpengaruh di Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index atau KLCI), kami mungkin dapat melihat sumbangan yang positif kepada indeks dengan sentimen yang meningkat bagi harga minyak kasar serta komoditi-komoditi berkaitan seperti CPO. Pasaran komoditi juga mungkin menghadapi rali kecil sekiranya Dolar AS berkurang dengan lebih nyata atau akibat ketegangan keadaan geo-politik di Timur Tengah.

Beberapa peristiwa atau faktor yang mungkin memberl sokongan kepada bursa tempatan termasuk:

- Pelaksanaan yang lebih cepat untuk inisiatif-inisiatif rangsangan.
- Lebih pengumuman mengenai polisi-polisi mesra konsumer.
- Lebih aktiviti penyatuan dan pengambilalihan (mergers and acquisitions atau M&A) dan pengurusan modal.
- Bukti bahawa ekonomi global akan mula berpuh

## TINJAUAN PELABURAN (samb.)

### Bon

Krisis kewangan global telah bertambah buruk dengan kejatuhan beberapa institusi kewangan utama di AS dan Eropah. Walaupun inflasi global telah berkurangan, risiko terhadap pertumbuhan ekonomi global telah bertambah dengan ketara di mana ekonomi-ekonomi perindustrian utama kini mengalami kemelesetan. Pada masa yang sama, bank-bank pusat di seluruh dunia juga sedang berusaha menangani keadaan ini melalui langkah-langkah polisi yang agresif untuk memantapkan sistem kewangan global teras serta menggiatkan aktiviti ekonomi.

Dengan jangkaan bahawa kemerosotan ketara ekonomi global akan membawa lebih kesan kepada ekonomi Malaysia, BNM telah mengambil langkah-langkah terdahulu untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang positif dalam tahun 2009, dengan menyediakan persekitaran kewangan yang lebih menggalakkan bagi ekonomi domestik. Pada mesyuarat Jawatankuasa Polisi Monetari yang telah diadakan pada 21 Januari 2009, BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 75 mata asaS kepada 2.50%, dan telah juga mengurangkan SRR sebanyak 150 mata asas daripada 3.5% kepada 2.0% berkuatkuasa 1 Februari 2009, satu langkah yang lebih tinggi dari jangkaan pasaran. Memandang ke hadapan, BNM mungkin memotong lagi kadar sekiranya keadaan ekonomi tidak pulih.

Walaupun pengumuman Kerajaan untuk menghentikan levi keuntungan durian runtuh bagi syarikat-syarikat IPP telah disambut dengan baik, penilaian untuk bon-bon berkaitan dengan penjana kuasa tidak mencerminkan penyingkiran risiko-risiko berkanun. Dan sungguhpun adanya kemungkinan pemulihan yang gradual untuk penilaian ini, kemungkinan besar bon-bon ini akan dapat mencapai premium risiko yang lebih tinggi berbanding dengan tempoh sebelum levi keuntungan durian runtuh.

Kombinasi kelembapan pertumbuhan, inflasi yang sederhana, kecairan yang memadai di dalam sistem kewangan domestik serta polisi kewangan yang lebih sesuai, adalah positif untuk pasaran bon. Walau bagaimanapun, risiko kitaran kredit yang lemah masih kekal di dalam persekitaran ekonomi global yang lembap.

# SOROTAN KEWANGAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

12

## TAKAFULINK DANA EKUITI

Laporan Dana Takafulink 2008

Kategori	2008 %	2007 %
<b>Saham yang diluluskan oleh Sariah</b>		
Bahan Pembinaan	1.20	6.77
Konglomerat	10.86	13.15
Pembinaan	8.43	8.47
Pengguna	2.25	1.55
Industri	2.39	3.66
Media	1.25	3.14
Motor	1.66	3.76
Minyak dan Gas	6.21	10.24
Perladangan	8.44	6.57
Tenaga	8.52	7.04
Hartanah	2.07	5.30
Teknologi	-	3.31
Telekomunikasi	10.64	4.35
Pembalakan	-	0.41
Pengangkutan	4.24	4.37
Air	1.08	2.07
	69.25	84.16
Tunai dan Deposit	28.86	18.63
Aset-aset Lain	2.35	(0.01)
Jumlah Liabiliti	(0.46)	(2.78)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# SOROTAN KEWANGAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA EKUITI (sambungan)

13

Laporan Dana Takafulink 2008

Kategori	2008 %	2007 %
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	39,816,472	22,179,240
Unit dalam Pengedaran	45,362,268	16,330,676
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	0.8777	1.3581
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.406	1.363
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	0.844	0.983
Jumlah Pulangan (*)		
- Pertumbuhan Modal	-35.37%	35.81%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		-35.37%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras : Indeks FTSE-Bursa Malaysia Emas Shariah (FBMSHA)</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		-43.52%

\* Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpulhan

# SOROTAN KEWANGAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

14

## TAKAFULINK DANA BON

Laporan Dana Takafulink 2008

Kategori	2008 %	2007 %
Sekuriti Hutang Islam	63.11	85.40
Bon-bon Kerajaan	10.88	0.00
	73.99	85.40
Tunai dan Deposit	25.35	14.16
Aset-aset Lain	1.25	1.07
Jumlah Liabiliti	(0.59)	(0.63)
<b>Jumlah</b>	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	15,528,062	11,704,512
Unit dalam Pendedaran	14,645,091	11,238,402
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	1.0603	1.0415
Nilai Aset Bersih Tertinggi Seunit (RM)	1.060	1.043
Nilai Aset Bersih Terendah Seunit (RM)	1.025	1.000
Jumlah Pulangan (*)		
- Pertumbuhan Modal	1.81%	4.15%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		1.81%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Tanda Aras: MBB 1 bulan Kadar Deposit Islam Peringkat 2</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		2.90%

\* Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpuluhan



# SOROTAN KEWANGAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA URUS

15

Laporan Dana Takafulink 2008

Kategori	2008 %	2007 %
Pelaburan dalam		
<i>Takafulink Dana Ekuiti</i>	76.83	84.84
<i>Takafulink Dana Bon</i>	23.17	15.16
Aset-aset Lain	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	9,031,083	3,047,901
Unit dalam Pengedaran	9,864,080	2,358,805
Nilai Aset Bersih Unit (RM)	0.9156	1.2921
Nilai Aset Bersih Tertinggi Seunit (RM)	1.331	1.292
Nilai Aset Bersih Terendah Seunit (RM)	0.885	0.987
Jumlah Pulangan (*)		
- Pertumbuhan Modal	-29.14%	29.21%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		-29.14%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Tanda Aras : 80% FBMSHA + 20% MBB 1 bulan</b>		
<b>Peringkat 2 Kadar Deposit Islam</b>		
<b>Tempoh</b>		
Satu tahun		-35.97%

\* Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpuluhan

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2008

16

## TAKAFULINK DANA EKUITI

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008		2007	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Saham yang diluluskan oleh Shariah	27,572,486	69.25	18,666,336	84.16
Tunai dan Deposit				
Tunai dalam bank	31,820	0.08	-	-
Deposit	11,460,000	28.78	4,131,057	18.63
Aset Cukai	260,398	0.65	-	(0.01)
Asetaset lain	677,547	1.70	930	0.00
<b>Jumlah Aset</b>	<b>40,002,251</b>	<b>100.46</b>	<b>22,798,323</b>	<b>102.78</b>
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(80,132)	(0.20)	(108,868)	(0.48)
Peruntukan untuk Cukai	(97,550)	(0.24)	-	
Liabiliti-liabiliti lain	(8,097)	(0.02)	(510,215)	(2.30)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(185,779)</b>	<b>(0.46)</b>	<b>(619,083)</b>	<b>(2.78)</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>39,816,472</b>	<b>100.00</b>	<b>22,179,240</b>	<b>100.00</b>
<b>Dana Para Peserta</b>				
Modal	49,135,311	123.40	19,186,286	86.51
Pendapatan yang dijana/(Kerugian Terkumpul) bawa ke hadapan	(9,318,839)	(23.40)	2,992,954	13.49
	39,816,472	100.00	22,179,240	100.00
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>0.87774</b>		<b>1.35813</b>	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>45,362,268</b>		<b>16,330,676</b>	

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA BON

17

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008		2007	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Sekuriti Hutang Islam	11,489,102	73.99	9,996,169	85.40
Tunai dan Deposit				
Tunai dalam bank	7,543	0.05	7,661	0.07
Deposit	3,930,000	25.30	1,650,000	14.09
Aset-aset lain	193,709	1.25	125,268	1.07
<b>Jumlah Aset</b>	<b>15,620,354</b>	<b>100.59</b>	<b>11,779,098</b>	<b>100.63</b>
Peruntukan untuk Cukai	(90,546)	(0.58)	(42,559)	(0.35)
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(178)	0.00	0	0.00
Liabiliti-liabiliti lain	(1,568)	(0.01)	(32,027)	(0.28)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(92,292)</b>	<b>(0.59)</b>	<b>(74,586)</b>	<b>(0.63)</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>15,528,062</b>	<b>100.00</b>	<b>11,704,512</b>	<b>100.00</b>
<b>Dana Para Peserta</b>				
Modal	14,859,564	95.69	11,302,250	96.56
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	668,498	4.31	402,262	3.44
	15,528,062	100.00	11,704,512	100.00
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>1.06029</b>		<b>1.04147</b>	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>14,645,091</b>		<b>11,238,402</b>	

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2008

18

## TAKAFULINK DANA URUS

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008		2007	
	RM	%	RM	%
Pelaburan dalam -				
Takafulink Dana Ekuiti	6,938,410	76.83	2,585,839	84.84
Takafulink Dana Bon	2,092,620	23.17	462,047	15.16
Tunai dalam Bank	-	-	-	-
Asetaset lain	375	0.00	341	0.01
<b>Jumlah Aset</b>	<b>9,031,405</b>	<b>100.00</b>	<b>3,048,227</b>	<b>100.01</b>
<b>Liabiliti-liabiliti lain</b>	<b>(322)</b>	<b>(0.00)</b>	<b>(326)</b>	<b>(0.01)</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(322)</b>	<b>(0.00)</b>	<b>(326)</b>	<b>(0.01)</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>9,031,083</b>	<b>100.00</b>	<b>3,047,901</b>	<b>100.00</b>
<b>Dana Para Peserta</b>				
Modal	10,616,085	117.55	2,844,347	93.32
Pendapatan yang dijana/(Kerugian Terkumpul) bawa ke hadapan	(1,585,002)	(17.55)	203,554	6.68
	9,031,083	100.00	3,047,901	100.00
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>0.91555</b>		<b>1.29214</b>	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>9,864,080</b>		<b>2,358,805</b>	

# PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA EKUITI

19

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008 RM	2007 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	22,179,240	-
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	45,768,389	24,013,336
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(15,819,364)	(4,827,050)
Lebih Pendapatan / (Perbelanjaan)	(12,311,793)	2,992,954
<b>Nilai Dana pada penghujung tahun</b>	<b>39,816,472</b>	<b>22,179,240</b>

# PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

20

## TAKAFULINK DANA BON

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008 RM	2007 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	11,704,512	-
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	5,519,762	12,046,278
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(1,962,448)	(744,028)
Lebih pendapatan ke atas Perbelanjaan	266,236	402,262
<b>Nilai Dana pada penghujung tahun</b>	<b>15,528,062</b>	<b>11,704,512</b>

# PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA URUS

21

	2008 RM	2007 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	3,047,901	-
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	12,505,129	4,444,658
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(4,733,391)	(1,600,311)
Lebih Pendapatan ke atas Perbelanjaan	(1,788,556)	203,554
<b>Nilai Dana pada penghujung tahun</b>	<b>9,031,083</b>	<b>3,047,901</b>

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

22

## TAKAFULINK DANA EKUITI

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008 RM	2007 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	1,464,506	476,907
Pendapatan Keuntungan	249,075	65,127
Pendapatan Dividen	1,215,431	411,780
Pendapatan dalam Pelupusan	982,439	899,755
Sekuriti	982,439	899,755
Pendapatan Modal Tidak Tercapai	-	1,998,232
Lain Pendapatan	567,940	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>3,014,885</b>	<b>3,374,894</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(453,357)	(184,007)
Kerugian dalam Pelupusan	(8,508,726)	-
Sekuriti	(8,508,726)	-
Kerugian Modal Tidak Tercapai	(6,264,693)	-
Peruntukan untuk cukai	(68,814)	(180,501)
Lain Perbelanjaan	(31,088)	(17,432)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(15,326,678)</b>	<b>(381,940)</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan) ke atas Pendapatan</b>	<b>(12,311,793)</b>	<b>2,992,954</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	2,992,954	-
Jumlah Tersedia untuk Agihan	-	-
Pendapatan yang dijana/(Kerugian terkumpul) dibawa ke depan	(9,318,839)	2,992,954



# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

## TAKAFULINK DANA BON

23

Laporan Dana Takafulink 2008

	2008 RM	2007 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	604,736	544,277
Pendapatan Keuntungan	604,736	544,277
Pendapatan dalam Pelupusan	-	(33,121)
Lain Pendapatan	17,851	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>622,587</b>	<b>511,156</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(66,838)	(58,743)
Kerugian dalam Pelupusan	-	(6,400)
Sekuriti	-	(6,400)
Kerugian Modal Tidak Tercapai	(234,724)	-
Peruntukan untuk cukai	(48,165)	(35,580)
Lain Perbelanjaan	(6,624)	(8,171)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(356,351)</b>	<b>(108,894)</b>
<b>Lebihan Pendapatan ke atas Perbelanjaan</b>	<b>266,236</b>	<b>402,262</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	402,262	-
Jumlah Tersedia untuk Agihan	-	-
Pendapatan yang dijana dibawa ke depan	668,498	402,262

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

	2008 RM	2007 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	71,082	-
Rebat Fi	71,082	-
Pendapatan dalam Pelupusan	13,629	62,987
Sekuriti	13,629	62,987
Pendapatan Modal Tidak Tercapai	-	140,820
Lain Pendapatan	4,172	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>88,883</b>	<b>203,807</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(72,568)	(253)
Pendapatan dalam Pelupusan	(433,850)	-
Sekuriti	(433,850)	-
Modal Tidak Tercapai (Kerugian)	(1,371,021)	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(1,877,439)</b>	<b>(253)</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan) ke atas Pendapatan</b>	<b>(1,788,556)</b>	<b>203,554</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	203,554	-
Jumlah Tersedia untuk Agihan	-	-
Pendapatan yang dijana/(Kerugian Terkumpul) dibawa ke depan	(1,585,002)	203,554

## 1. Ringkasan Polisi Perakaunan Penting

### a. Dasar Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan selaras dengan JPI/GPI 33 – Garis Panduan perniagaan Berkait dengan Pelaburan dan keperluan dokumen sijil, diubahsuai seperti berikut:

- (i) Bagi tujuan penentuan harga unit, pelaburan pada nilai pasaran diselaraskan untuk mengambil kira perolehan pada masa hadapan. Ini adalah untuk memastikan bahawa terdapat penentuan harga unit yang wajar bagi pemegang-pemegang unit yang akan datang, akan keluar dan yang kekal; dan
- (ii) Bagi tujuan penentuan harga unit, peruntukan untuk cukai tertunda diiktirafkan untuk perbezaan sementara yang dikenakan cukai dan deduktibel dengan menggunakan kadar pengiraan aktuari 4% dan bukan kadar berkanun sebanyak 8%. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa, oleh kerana perbezaan sementara ini hanya akan direalisasikan pada masa hadapan, kadar cukai yang lebih rendah, iaitu 4%, telah digunakan untuk memastikan bahawa terdapat penentuan harga unit yang wajar bagi pemegang-pemegang unit yang akan datang, akan keluar dan yang kekal.
- (iii) Cukai tertunda pada aset yang timbul dari perbezaan sementara untuk kerugian yang belum direalisasikan pada pelaburan tidak akan diambil kira.

### b. Pelaburan

Pelaburan yang disebut harga dinilai pada harga pasaran di penghujung tahun kewangan.

Bon-bon/saham-saham pinjaman yang tidak disebut harga dinilai pada harga sedia ada yang disebut harga oleh institusi-institusi kewangan.

**c. Pendapatan Dividen**

Pendapatan dividen dikenal pasti pada dasar akrual.

**d. Pendapatan Keuntungan**

Pendapatan keuntungan dikenal pasti pada dasar akrual.

**e. Keuntungan Jualan Pelaburan**

Keuntungan atau kerugian yang timbul hasil dari penjualan pelaburan akan dikreditkan atau dicaj kepada akaun modal.

**f. Fi Pengurusan Pelaburan**

Fi pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dokumen sijil.

**g. Rebat Fi**

Ini berkaitan dengan rebat fi dari Pengurus Kewangan yang merujuk kepada pelaburan yang dipegang di dalam Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon bagi Takafulink Dana Urus.

**h. Wang tunai dan persamaan tunai**

Wang tunai dan persamaan tunai merangkumi wang tunai di dalam tangan dan baki dengan bank-bank, tidak termasuk deposit Islam.

2. lain-lain pengeluaran dalam bentuk caj-caj bank dan caj-caj pemegang amanah.
3. Pada 31 Disember 2008, Dana tidak mempunyai liabiliti dan komitmen luar jangka.
4. Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Menurut pendapat para Pengarah, penyata kewangan bagi Dana Takafulink (“Dana”) yang terdapat di muka surat 16 hingga 26, yang merangkumi penyata asset dan liabiliti pada 31 Disember 2008 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkaitan serta Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, bersama dengan nota-nota tambahan, telah disediakan menurut JPI/GPI 33 – Garis Panduan Perniagaan Berkait dengan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan wajar mengenai keadaan kewangan dana-dana pada 31 Disember 2008 dan pergerakan serta prestasi kewangan dalam Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih untuk pemegang-pemegang unit bagi Dana-dana tersebut bagi tahun berakhir pada tarikh yang dinyatakan.

Ditandatangani mengikut resolusi Para Pengarah:

Adinan bin Maning

Abdul Khalil bin Abdul Hamid

Kuala Lumpur  
30 April 2009

### Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan Dana-Dana Takafulink Prudential BSN Takaful Berhad, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti seperti pada 31 Disember 2008 dan penyata-penyata sehubungan dengannya iaitu Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pertukaran Nilai Aset Bersih untuk tahun berakhir, ringkasan polisi-polisi perakaunan yang ketara dan nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang tertera di muka surat 16 hingga 26.

### Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah dan Pengurus bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyampaikan penyata kewangan ini dengan wajar selaras dengan JPI/GPI 33- Garis panduan Perniagaan Berkait dengan Pelaburan (The Guidelines on Investment-Linked Business). Tanggungjawab ini termasuk: membentuk, melaksana dan mengekalkan pengawalan dalaman yang berhubung dengan penyediaan dan penyampaian wajar untuk penyata-penyata kewangan yang bebas daripada sebarang salah nyata yang penting, sama ada akibat dari penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan polisi-polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang berpatutan mengikut keadaan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami memenuhi keperluan beretika di samping merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mencapai jaminan munasabah sama ada penyata-penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang penting.

## LAPORAN JURUAUDIT kepada Pemegang Unit Dana-dana Takafulink (samb.)

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapat bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dilakukan tertakluk kepada penilaian kami, yang termasuk penilaian risiko mengenai salah nyata yang penting dalam penyata-penyata kewangan, sama ada akibat dari penipuan atau kesilapan. Dalam penilaian risiko-risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan Pengurus dan penyampaian yang wajar tentang penyata-penyata kewangan supaya dapat membentuk prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Pengurus. Sesuatu audit juga termasuk memberi penilaian tentang kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang diamalkan serta keberpatutan anggaran perakaunan yang diamalkan oleh Pengarah Pengurus, di samping mentaksirkan keseluruhan penyampaian penyata-penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi dasar munasabah kepada pendapat audit kami.

### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan tersebut telah dilaksanakan dengan betul dan selaras dengan polisi-polisi perakaunan yang yang tertera pada Nota 1 untuk penyata-penyata kewangan dan dan JPI/GPI 33 - Garis Panduan Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan untuk memberi pandangan yang benar dan wajar mengenai keadaan kewangan Dana-Dana pada 31 Disember 2008 dan juga prestasi kewangan serta pertukaran dalam aset bersih yang diatributkan pada pemegang-pemegang unit Dana bagi tahun yang berakhir.

### Penekanan Isu-Isu

Tanpa melayakkan pendapat kami, kami ingin memberi perhatian kepada isu-isu berikut yang timbul dari audit kami pada 31 Disember 2008:

(a) Kadar cukai yang lebih rendah digunakan untuk peruntukan bagi cukai tertunda aset dan liabiliti

Seperti yang dijelaskan dalam Nota 1a (ii), Pengarah Pengurus berpendapat bahawa ianya lebih wajar kepada pemegang-pemegang unit untuk menggunakan kadar cukai yang lebih rendah berbanding kadar cukai berkanun dalam menetapkan harga unit-unit.

(b) Pengiktirafan cukai tertunda untuk aset-aset

Selain dari yang dinyatakan dalam (a) di atas, cukai tertunda untuk aset-aset yang timbul dari perbezaan sementara bagi kerugian tidak direalisasikan pada pelaburan dalam dana-dana tertentu tidak diselaraskan pada 31 Disember 2008. Walaupun pelarasan tidak dilakukan, ia tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap cukai tertunda aset dan liabiliti.

Kemungkinan kejadian isu-isu yang tersebut di atas tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap penetapan harga unit-unit bagi Dana masing-masing.

### Lain-Lain Hal

Laporan ini adalah khusus untuk pemegang-pemegang unit Dana-dana, sebagai satu kumpulan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan laporan ini.

### KPMG

Nombor Firma: AF 0758

Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya

30 April 2009



Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Aras 8A, Menara Prudential,

No. 10, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

Tel : 603-2078 1188 Fax : 603-2072 6188

Perkhidmatan Pelanggan • Tel : 603-2053 7188

Emel : [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)